

07 NOV 1996

AGONG DAN MAHATHIR UTUS TAHNIAH KEPADA CLINTON

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton kerana dipilih semula ke jawatan itu.

Dalam perutusannya, Tuanku Ja'afar bertitah kemenangan itu menunjukkan kepercayaan rakyat Amerika kepada kepimpinan Clinton. Seri Paduka yakin Amerika akan terus menikmati kemajuan.

Dr Mahathir pula berkata pemilihan semula Clinton mencerminkan keyakinan rakyat Amerika kepada kebolehannya untuk memimpin Amerika ke arah pencapaian yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Perutusan mereka dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini.

Perdana Menteri yang sedang melawat Guinea di Afrika barat, berkata beliau menghargai perundingan dan usaha lain yang telah dilakukan untuk mengukuhkan lagi hubungan Malaysia-AS.

"Saya berharap untuk meneruskan kerjasama dengan anda dalam usaha menggalakkan perdamaian dan keselamatan dunia terutama di Bosnia-Herzegovina," kata beliau.

Dr Mahathir juga menghantar perutusan kepada Presiden Russia Boris Yeltsin yang telah selamat menjalani pembedahan jantung.

Beliau berkata beliau gembira mendengar tentang kejayaan pembedahan itu dan berharap Yeltsin akan segera pulih. -- BERNAMA

MAM CTL NMO